



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
K E P I M P I N A N
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6 October 2015

Timpu perumahan, kos sara hidup, pendidikan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan sedia memberi tumpuan terhadap tiga topik penting, iaitu perumahan dan kehidupan di bandar, kos sara hidup serta pendidikan dalam Bajet 2016.

Perdana Menteri berkata, ia berdasarkan kepada maklum balas yang disalurkan rakyat menerusi laman khas sempena Bajet 2016.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan menilai setiap topik berkenaan bagi manfaat orang ramai.

"Di pejabat tadi (semalam), sekembalinya dari luar negara, saya lihat carta keputusan kaji selidik #Bajet2016 menunjukkan bahawa 3 topik paling penting kepada rakyat ialah Kos Sara Hidup, Perumahan



dan Kehidupan di Bandar, dan Pendidikan.

"Kerajaan menerima baik maklum balas ini dan akan menilai serta sedia memberi tumpuan kepada kategori berkenaan dalam #Bajet2016," katanya menerusi akaun Facerbook miliknya, malam tadi.

Terdahulu, Najib menerusi entri Facebook miliknya, menyatakan tumpuan beliau kini terarah kepada usaha memperincikan inti pati Bajet 2016 selepas menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selama dua minggu di New York.

- **Bajet pembangunan Orang Asli bertambah NASIONAL 13**
- **Lebih banyak pakej rangsangan - BISNES Bs**